

E-BULETIN

Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Kuching Sarawak

BIL 5/2020
JAN -MAC

JKA

Informasi Untuk Dikongsi

Lawatan Penilaian Asia Pacific Accreditation and Certification Commision (APACC) ke PKS

oleh : Yuhani



Lawatan Penilaian Asia Pacific Accreditation and Certification Commision (APACC) telah berlangsung pada 26-28 Februari 2020. Lawatan penilaian ini telah diljalankan oleh Dr. Paiboon Saiyawongs dari Thailand selaku ketua penilai serta dua orang lagi panel iaitu Encik Sanyog Bhatrai dari negara Nepal dan Cik Adrienne Abril dari Filipina. Satu jawatankuasa kerja telah turut diwujudkan di peringkat Jabatan Kejuruteraan Awam bagi membantu kelancaran proses lawatan.

Kedatangan penilai-penilai di Politeknik Kuching Sarawak(PKS) telah disambut dengan persembahan kebudayaan dan seterusnya dengan acara pembukaan program lawatan. Sepanjang sesi lawatan yang berlangsung selama tiga hari itu, para penilai telah melawat pameran-pameran yang berlangsung di sekitar Politeknik serta beberapa tempat kemudahan yang terdapat di PKS seperti makmal-makmal, Galeri Alumni, bilik TECC, dan Business Incubator.

Selain daripada lawatan, penilaian terhadap dokumen-dokumen berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan turut dilaksanakan. Terdapat tujuh kriteria yang dinilai dalam lawatan penilaian ini iaitu Governance & Management, Teaching & Learning, Human Resources, Research & Development, Image & Sustainability, Other Resources dan Support to Students. Sesi lawatan penilaian ini telah ditutup dengan komen dan cadangan daripada Dr. Paiboon Saiyawongs selaku Ketua Penilai.

 Isu Menarik

Pengurusan Stress Pelajar >> m/s 4

Pertandingan Projek Akhir JKA >> m/s 5

Gotong Royong Sekitar KESUPKU >> m/s 6 >> m/s 7



SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 5/2020 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Tahniah kepada sidang redaksi buletin yang berusaha gigih untuk menghasilkan buletin yang pertama untuk tahun ini sebagai medium menyalurkan maklumat dan hebahan semasa berkenaan pencapaian dan aktiviti jabatan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2020.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada semua warga JKA yang telah terlibat dalam mencipta pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan dalam beberapa pertandingan yang melibatkan para pensyarah dan pelajar JKA.

Diharap, dengan kejayaan dan pencapaian cemerlang ini, semua warga JKA akan terus mengekalkan momentum pada masa akan datang. Dan, pada mereka yang tidak berjaya diharap ia menjadi motivasi berguna untuk terus maju. Sekali gagal tidak bererti untuk selamanya. Sekian, Wassalam.



Che Zaidi Bin Che Hassan
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



Salam Sejahtera, Saya mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini.

Kami bertekad dan berusaha memberikan yang terbaik untuk pembaca sekalian bersesuaian dengan iltizam kami informasi untuk dikongsi.

Sekian, salam polku sayang daripada kami di pihak redaksi.

Joshua Ribi,
Ketua Editor.



Ketua Jabatan
Che Zaidi Bin Che Hassan



Ketua Program DKA
Ledia Anak Angul



Ketua Program DDB
Redzuan Safriz Adb Rahman



Ketua Program DGII
Sumbang Anak Mandaw

SIDANG REDAKSI

Penasihat : Che Zaidi Che Hassan, Ketua Editor : Jpshua Ribi, Pen. Ketua Editor/ Perekra Grafik : Mohd Nizar Hashim, AJK: Stuart Otto Wilson, Suriati Iberahim, Zawawiv Aziz.

HERE Map Creator WORKSHOP 2020




oleh : Phang Siow Juen

Here Malaysia merupakan satu badan daripada industri yang bergiat aktif dengan PKS di dalam menjalankan kolaborasi yang telah di meterai sejak sekian lama. Pelbagai program, seminar dan bengkel telah diadakan bagi memenuhi keperluan menang-menang. Bengkel pada kali ini di adakan bagi memperkenalkan pemetaan 2D dengan memilih rumah sebagai objek untuk di petakan. Bengkel ini di ketuai oleh Mr. Rodney dan pembantunya yang bermula seawal jam 8 pagi sehingga ke 5 petang.

Pelajar didedahkan pengambilan butiran pemetaan dengan teknik pendigitan melalui on screen dan memasukkan data dengan menggunakan menu di dalam map creator.

Majlis disudahi dengan penyerahan cenderahati dan jamuan ringan.



PROGRAM SPAK

oleh : Ronina

Program Pengurusan Stress di Kalangan Pelajar JKA



Pada 13 Mac 2020, telah berlangsung Program Pengurusan Stress di Kalangan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam(JKA) bertempat di Dewan Kuliah 1. Program ini telah dianjurkan oleh Sistem Penasihat Akademik atau SPAk Jabatan Kejuruteraan Awam dengan kerjasama Penyelaras Psikologi & Kaunseling JKA dan Unit Pengurusan Psikologi(UPPSI), Politeknik Kuching Sarawak.

Program ini merupakan satu program yang menerangkan tentang kebaikan kesihatan dari segi mental, jasmani dan rohani. Encik Mohamad Husairi iaitu Ketua Unit Psikologi(UPPSI) Politeknik Kuching Sarawak telah dijemput untuk menyampaikan pengisian program.

Antara pengisian program ini ialah penerangan berkenaan panduan kepada pelajar dalam menguruskan masalah stress supaya tiada perkara yang tidak diingini berlaku.



Program ini menyasarkan penyertaan semua pelajar semester 3 dan 4 dari program Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Perkhidmatan Bangunan dan Diploma Geomatik bagi Sesi Disember 2019.

Di antara objektif program ini ialah melahirkan pelajar yang boleh menguruskan masalah yang berkaitan dengan stress. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang tenang dalam menangani sesuatu masalah dan bijak menangani pelbagai masalah yang dihadapi.

oleh : Shahrulnizam

PERTANDINGAN PROJEK AKHIR

PROGRAM DKA DAN DPB SESI DIS 2019



Keputusan Penuh Projek Akhir JKA

| PROGRAM DKA | | | |
|-------------|--|-----------------------------|--|
| Kedudukan | Peserta | Penyelia | Tajuk Projek |
| Pertama | 1.Ullia Ulanda Anak Rumpang 2.Kana Anak Gera 3.Cassidy Juing Anak Crennell | Ledia Anak Angul | Oil and Grease Drain Water Filter |
| Kedua | 1.Junior Chin Chun How 2.Syed Mohammad Hafezee 3.Fakhira Nisa binti Hanika | Siti Zubaidah binti Janudin | F&E Wheelbarrow |
| Ketiga | 1.Mohamad Firdaus bin Bohari 2.Jaroindra Balan James 3.Nur Hidayatul Husna binti Abdullah | Mohd Hazry bin Ismail | E-Magnitis Lithos |
| Keempat | 1.Nur Dianah Binti Jamali | Zainap binti Haji Lamat | Effectiveness of Hydraulics Upside Down Drainage |
| Kelima | 1.Mohamad Badrul Amin bin Bujang 2.Abdul Syah Wanie bin Jasman 3.Irfan Izzudin bin Sukiman | Mimi Malisa Binti Dolhan | Smart Roller Painter |



Pertandingan Projek Akhir Pelajar Program Diploma Kejuruteraan Awam(DKA) dan Diploma Perkhidmatan Bangunan(DPB) bagi Sesi Disember 2019 telah berlangsung pada 11 Mac 2020 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak. Program ini adalah merupakan satu platform bagi pelajar-pelajar memperkenalkan hasil kajian masing-masing.

Sebanyak 26 kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar program DKA dan 12 kumpulan

pelajar daripada Program DPB telah menyertai pertandingan ini. Ir. Irwanndy bin Rosli yang merupakan Managing Director dari D.Z.K.I.R Engineering Enterprise Kuching Sarawak dan Puan Zetty Baiduri binti Hossen, Pensyarah Program Kejuruteraan Awam I-CATS West Campus telah dijemput sebagai panel bagi menilai projek-projek pelajar yang dipertandingkan. Lima kumpulan daripada Program DKA dan lima kumpulan daripada Program DPB telah terpilih sebagai pemenang dalam pertandingan ini. Secara keseluruhannya, program ini memberikan impak yang positif kepada semua peserta dalam menonjolkan kreativiti menghasilkan kajian masing-masing.

| PROGRAM DPB | | | |
|-------------|---|----------------------------|--|
| Kedudukan | Peserta | Penyelia | Tajuk Projek |
| Pertama | 1.Puteri Wardeene Salma 2.Muhamad Afiq bin Yakuf 3.Nur Fatin Liyana Binti Abdul Khalid | Mazlin Wellington Abdullah | Model of Global System as a Gas Detector for Residential by using Mobile Phone |
| Kedua | 1.Noorlina binti Robert 2.Cassidy Dandai Anak Lidam 3.Esterh Phylisia Anak Edward Jekim | Suzana binti Isenin | Model Fire Protection System for Teaching & Learning |
| Ketiga | 1.Brian Wong Shi Hong 2.Chung Hui Jan | Victor Teck Kok Leong | Solar Powered Smart Bird Nest Home(Model) |
| Keempat | 1.Syed Muhammad Nasiruddin 2.Amir Zakkiyan bin Abdul malek 3.Addyson Anak Edwin | Azman bin Abdullah | Smart Drainage Waste Trap |
| Kelima | 1.Margerit Jenu Anak Boniface 2.Tiffenie Rabai Anak Turing | Mardiana binti Mohamad | Design and Prepare Bills of Quantities of Fire System for Rumah Parjang Annah rais Padawan Kuching Sarawak |



GOTONG ROYONG PERDANA

Persediaan APACC

oleh : Abd Ghani

Beberapa siri gotong royong telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam(JKA) dan diadakan di sekitar Politeknik Kuching Sarawak pada bulan Februari 2020. Di antara lokasi gotong royong adalah di ruang pejabat JKA, sekitar kawasan bengkel dan makmal kejuruteraan JKA, laluan pejalan kaki sekitar bangunan kuliah serta .ruang tempat duduk berhadapan bilik kuliah

Program gotong royong ini diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kesediaan dalam menghadapi Lawatan Penilaian APACC. Program gotong royong ini juga dilihat dapat memupuk semangat bekerjasama di kalangan warga Jabatan Kejuruteraan Awam.

Ramai staf Jabatan Kejuruteraan Awam telah turut serta dan berganding bahu dalam menjayakan gotong royong ini. Program ini telah memberikan kesan yang positif di mana keadaan persekitaran di Politeknik Kuching Sarawak menjadi semakin kemas dan bersih.



Selain itu, program ini juga telah dapat meningkatkan semangat bekerjasama di kalangan warga JKA.



oleh : Siti Zubaidah

KEJOHANAN SUKAN POLITEKNIK KUCHING (KESUPKU)

Kejohanan Sukan Politeknik Kuching (KESUPKU) 2020 telah diadakan bermula pada Februari 2020.

Kejohanan ini adalah merupakan satu platform untuk melahirkan pelajar dan kakitangan Politeknik Kuching Sarawak(PKS) yang aktif.

Selain itu, melalui KESUPKU juga, bakat-bakat pelajar yang berpotensi dalam bidang sukan dapat dicungkil untuk diketengahkan mewakili PKS ke acara sukan yang bakal dianjurkan oleh Majlis Sukan Politeknik.

Terdapat beberapa acara sukan yang telah dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu badminton, bola jaring, bola tampar, petanque, bola sepak dan sepak takraw. Jabatan Kejuruteraan Awam(JKA) turut tidak terkecuali menghantar wakil pelajar dan staf untuk hampir kesemua acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini. Sebahagian acara dalam kejohanan ini terpaksa ditangguhkan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020.

Antara acara sukan yang belum selesai bertanding dan ditangguhkan ialah Bola Sepak, Sepak Takraw, Bola Tampar dan Boling. Berikut merupakan antara pencapaian pelajar dan staf dalam KESUPKU 2020 sehingga Mac 2020.

Pencapaian Pelajar dan Staf JKA dalam KESUPKU 2020

| Acara | Kategori | Kedudukan |
|-----------------|----------|--------------------|
| Badminton (L) | Staf | Naib Johan |
| Badminton (P) | Staf | Johan & Naib Johan |
| Bola Jaring | Staf | Naib Johan |
| Bola Tampar (P) | Staf | Johan |
| Petanque (L) | Staf | Naib Johan |
| Petanque (P) | Staf | Naib Johan |
| Bola Jaring | Pelajar | Ketiga |
| Bola Tampar(L) | Pelajar | Ketiga |
| Bola Tampar(P) | Pelajar | Ketiga |
| Sepak Takraw(L) | Pelajar | Johan |

